

# CCTV pantau kawasan panas

Harian metro 12/05/2010 M/S 27

## Inisiatif mengurangkan jenayah pastikan keselamatan rakyat terjamin

>>Oleh Shanty Nur Shaffizan Mohd Shafee

shantynur@hmetro.com.my

**P**ROGRAM Transformasi Kerajaan (GTP) mensasar lima peratus penurutan keseluruhan kadar jenayah setiap tahun untuk tiga tahun akan datang. Namun yang menjadi keutamaan ialah jenayah jalanan.

Antara inisiatif bagi mengurangkan jenayah ialah penempatan polis di kawasan panas di sekitar Kuala Lumpur, Johor, Selangor dan Pulau Pinang; pemasangan 500 kamera litar tertutup bagi mengesan aktiviti jenayah, kerjasama antara pihak berkuasa tempatan bagi membanteras jenayah dan rondaan berterusan polis.

Membanteras jenayah termasuk dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Malaysia yang mempunyai 28 juta penduduk dikategorikan negara selamat berbanding kadar jenayah di negara lain, iaitu pada tahap 753 kes bagi setiap 100,000 penduduk manakala Hong Kong (tujuh juta penduduk) mencatat 1,014 kes bagi setiap 100,000 penduduk dan United Kingdom (62 juta penduduk) merekod 7,903 kes.

Antara langkah tangani jenayah ialah menambah kamera litar tertutup (CCTV) serta menyelaras penggunaan dan pengaplikasian kamera litar terbabit, menyediakan insentif bagi meningkatkan moral polis serta mengeratkan hubungan polis dengan orang ramai.

Sejak Perdana Menteri, Datuk



**PANTAU...** anggota di Bilik Gerakan Polis di Pulau Pinang mengawasi CCTV polis yang dipasang di sekitar Georgetown.

Seri Najib Razak mengumumkan insentif elaun RM200 kepada 33,000 anggota dan 52,000 kenaikan pangkat bagi meningkatkan moral polis, indeks jenayah menurun 3.7 peratus manakala jenayah jalanan berkurangan 13.5 peratus.

Sehingga kini, jumlah sedia ada CCTV yang beroperasi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di seluruh negara sebanyak 650 unit dengan 382 dipasang di kawasan panas dan daripada jumlah itu, 568 di bawah seliaan KPKT manakala 82 lagi di bawah seliaan DBKL.

Bagi meningkatkan pemantauan, pihak KPKT akan memasang 496 lagi CCT di 50 PBT yang dikenal pasti bagi tujuan sama. Sehingga kini, 100 CCTV telah siap manakala selebihnya bakal dipasang dan dijangka siap menjelang pertengahan Julai ini.

Selain itu, polis turut memasang 388 CCTV dengan 100 di Kuala Lumpur, Selangor (152), Johor (88) dan Pulau Pinang (48)

menerusi peruntukan NKRA Kementerian Dalam Negeri (KDN). Ibu Pejabat Kontinjen Polis (IPK) yang berkenaan akan menyelia dan menentukan lokasi CCTV dipasang.

Semua CCTV dihubungkan terus ke bilik operasi Ibu Pejabat Bukit Aman, Ibu Pejabat Kontinjen (IPK), Ibu Pejabat Daerah (IPD) balai polis di seluruh negara serta Bilik Gerakan NKRA di KDN.

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) juga akan memasang 100 kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan strategik seluruh bandar raya terbabit tahun ini.

Menurut Datuk Bandarnya, Datuk Roshidi Hashim, 24 CCTV dipasang melalui peruntukan KPKT manakala baki 76 lagi akan dipasang MBI dan CCTV terbabit berperanan sebagai pencegahan jenayah, vandalisme dan mencegah maksiat.

Dua pusat operasi untuk pemantauan akan diwujudkan, iaitu di bangunan MBI dan satu lagi akan ditentukan melalui perbincangan dengan Ketua Polis Perak, Datuk Zulkifli Abdullah.

Satu lagi inisiatif NKRA ialah pelaksanaan 'bandar selamat' dengan peruntukan segera RM38 juta bagi melaksanakan enam langkah oleh 12 PBT di empat negeri merangkumi 50 kawasan panas, iaitu DBKL, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) serta Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP).

Ia termasuk mengasingkan laluan pejalan kaki dengan laluan bermotor dengan pembinaan penghadang khas, pemasangan cermin keselamatan, pemasangan penggera keselamatan, pembersihan semak di kawasan panas, melakukan pemetaan jenayah bagi mengesan taburan kes serta meningkatkan pencahayaan untuk mengurangkan kes ragut dan jenayah jalanan.